

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 10 OGOS 2019

MUKA SURAT: 10

Solat hajat tindakan terbaik kesan mangsa

Seremban: Mufti Negeri Sembilan Datuk Mohd Yusof Ahmad menyarankan umat Islam dan pihak yang terbabit secara langsung dalam operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) Nora Anne Quoirin, 15, melakukan solat hajat dalam usaha mengesan remaja warga Ireland itu.

Beliau berkata, solat hajat antara tindakan terbaik yang harus dilakukan dalam usaha mengesan mangsa.

"Kalau sudah puas mencari tapi tak jumpa, buat solat hajat kerana itu cara terbaik yang perlu dilakukan umat Islam, untuk mendapatkan petunjuk dan pertolongan daripada Allah SWT.

"Tidak semestinya satu kariah masjid atau surau, sesiapa saja yang rasa terjunak bantu, buatlah solat

hajat," katanya.

Mohd Yusof turut melahirkan rasa simpati terhadap keluarga mangsa dan berharap remaja istimewa itu ditemui segera.

Beliau berkata, ada pelbagai kemungkinan boleh berlaku yang menyumbang kepada kegagalan mengesan mangsa sehingga kini termasuk unsur mistik atau aspek lain.

"Kita tidak boleh menafikan perkara itu (unsur mistik), namun saya tidak boleh

mengulas panjang kerana pihak berkuasa berkaitan ada kepakaran dan kaedah tersendiri dalam melaksanakan SAR ini.

"Saya berdoa supaya usaha mengesan remaja terbabit berjaya," katanya.

Nora Anne yang mengalami masalah pembelajaran hilang daripada tempat peningapannya bersama keluarga di Resort The Dusun di Pantai, dekat sini, jam 8 pagi Ahad lalu sebelum kehilangannya dilaporkan kepada polis.



ANGGOTA penyelamat melakukan pencarian di sekitar sungai berhampiran.



MENCARI NORA

Hasbi Sidek

mohd.hasbi@hmetro.com.my

Seremban

Kira-kira 300 jemaah menunaikan solat hajat di Masjid Kariah Pantai di sini, semalam bagi mendoakan supaya remaja warga Ireland, Nora Anne Quoirin, 15, yang hilang sejak Ahad lalu segera dijumpai.

Solat hajat disempurnakan sejurus selesai Solat Jumaat yang diimamkan Imam Dua masjid berkenaan, Mohd Taufeeq Awalludin.

Mohd Taufeeq ketika ditemui sejurus solat hajat berkata, remaja istimewa seperti Nora Anne sepatutnya diberikan perhatian penuh berbanding remaja lain.

"Operasi untuk mencarinya lebih rumit kerana dia (Nora Anne) adalah remaja istimewa. Bagaimanapun kita mendoakan pasukan yang terbabit dalam operasi mencari remaja ini segera menemuinya.

"Justeru, hari ini (semalam), 300 jemaah menunaikan solat hajat supaya diberi petunjuk dan menemui Nora Anne," katanya.

Beliau berkata, meskipun ibu bapa Nora Anne berlainan agama dan pegangan namun dia berharap keluarga itu bersabar menempuhi dugaan itu.

"Pihak masjid berharap

JEMAAH menyertai solat hajat selepas solat Jumaat di Masjid Kariah Pantai, Seremban, semalam.

300 MOHON PETUNJUK

Jemaah Masjid Kariah Pantai laksana solat hajat supaya Nora segera ditemui

